



KOPERASI MPC BERHAD (KOOP NEGERI NO. 138)
55-C, JALAN PJS 1/48, TAMAN PETALING UTAMA, 46000 PETALING JAYA, SELANGOR

Ruj. Kami : KMPCB/RS-01012021

Tarikh : 4 Disember 2020

Perbadanan Produktiviti Malaysia(MPC)
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
(u/p : En Mohamad Muzaffar Abdul Hamid)

Tuan,

MEMOHON LANJUTAN TEMPOH PROJEK KAJIAN “ENFORCING CONTRACTS: SOLICITORS’ FEES – MOVING FORWARD”

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana tuan sedia maklum, pihak kami masih belum dapat memajukan sesalinan Laporan Akhir terpinda kepada pihak tuan setakat ini oleh kerana kekangan dapatan kajian. Pihak konsultan kami masih belum mendapat kelulusan rasmi daripada pihak-pihak yang berkenaan untuk menjalankan kajian di mahkamah dan juga jumlah responden yang diperlukan juga belum mencukupi. Walaubagaimanapun, pihak konsultan kami sedang berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan mengenai isu ini dan kami jangka kelulusan rasmi akan dikeluarkan dalam masa terdekat dan jumlah responden yang diperlukan akan tercapai.

3. Berdasarkan perkara diatas, kami dengan rendah hati ingin memohon dari pihak tuan untuk suatu perlanjutan tempoh projek sehingga 31.3.2021, untuk membolehkan pihak kami menjalankan kajian di mahkamah dan kemudiannya kemukakan Laporan Akhir terpinda kelak nanti.

4. Pihak kami amat berharap pihak tuan dapat memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap permohonan kami ini. Segala usaha baik tuan didahului dengan ribuan terima kasih.

Yang benar,

(HAJI ISHAK BIN AB. RAHMAN)

Ahli Lembaga Koperasi
Koperasi MPC Berhad(KMPCB)